

AKHBAR : BERITA HARIAN  
TARIKH / HARI : 16 FEBRUARI 2017 (KHAMIS)

# Padah letak bas di bahu jalan

BH  
16/2

➔ MBSA, SPAD lancar operasi tangani isu parkir kenderaan berat

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

Shah Alam

Pemandu bas yang sesuka hati meletakkan kenderaan berat itu di tepi jalan di Seksyen 13, di sini sejak Disember lalu, menerima padah apabila bas terbabit ditunda oleh pihak berkuasa, semalam.

Sikap tidak bertanggungjawab mereka bukan sahaja mendedahkan pengguna jalan raya kepada risiko kemalangan, malah turut menjejaskan dan menghalang pandangan pengguna yang melalui laluan terbabit.

Tindakan tunda diambil Majlis

Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerusi operasi khas yang turut disertai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD), polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), semalam.

Ketua Pengarah Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, berkata operasi bersepadu itu bertujuan mengesan serta menangani isu kenderaan berat yang diletakkan di tempat letak kenderaan awam.

"Tindakan meletakkan bas di kawasan berkenaan adalah satu kesalahan kerana ia hanya dibenarkan berhenti untuk mengambil penumpang, bukan diletakkan secara tetap di situ selepas habis beroperasi.

### Tidak ambil serius

"Lebih tiga kali notis dikeluarkan kepada pemilik atau pemandu supaya mengalihkan bas berkenaan, namun ia tidak diambil serius malah terus diletakkan di situ sejak Disember lalu," katanya.

Beliau berkata, MBSA juga menerima banyak aduan daripada orang awam serta penduduk sekitar yang rata-rata bimbang ke-

selamatan pengguna jalan raya yang melalui laluan berkenaan.

"Jalan ini ada tiga lorong dengan lorong kiri khusus untuk bas berhenti mengambil penumpang di hentian. Apabila ada lima bas diletakkan di tepi jalan itu, sudah pasti ia menyebabkan gangguan lalu lintas," katanya.

### Pantau kenderaan berat

Katanya, kelima-lima bas berkenaan ditunda ke depoh MBSA di Seksyen 17 untuk tindakan lanjut dan kompaun.

Beliau berkata, MBSA akan meneruskan operasi sedemikian secara berkala untuk memantau kenderaan berat yang diletakkan di kawasan awam sehingga mengganggu lalu lintas.

"Tindakan tidak bertanggungjawab pemilik atau pemandu bas turut mengakibatkan kekurangan tempat letak kenderaan di kawasan kediaman, khususnya kediaman bertingkat.

"Ia juga menyebabkan kawasan hijau atau rizab rosak serta mengehadkan pemandangan pemandu lain akibat saiz bas yang besar," katanya.

Fakta  
nombor

RM360 NILAI  
KOMPAUN

setiap bas diletakkan  
di bahu jalan

RM2,000  
NILAI KOMPAUN

jika gagal dibayar

RM50  
SEHARI

caj simpan bas  
di depoh



Deretan bas dikunci tayar dalam Operasi Bersepadu Menunda Kenderaan Berat bagi membentaras masalah parkir di kawasan awam sekitar Bandaraya Shah Alam.